



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** serta berdaftar dengan **GIATMARA Sendirian Berhad** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PGN535/7/14/KK/2024/3	CADANGAN MENYEDIA DAN MENAWARKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (14/24 JAM) TANPA SENJATA API DI GIATMARA TELUK INTAN, PERAK BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN	220801	17/04/2024	22/04/2024 Hingga 26/04/2024	RM5.00 (TUNAI SAHAJA)	30/04/2024 (Sebelum 12.00 Tengah Hari) Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-

- Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Sijil asal **KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

2. Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

3. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan bagi pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi **pada waktu Pejabat (9.00 pagi – 4.00 petang)** di lokasi iaitu

4.1 **GIATMARA Teluk Intan, Jalan Si Putum, 36000 Teluk Intan, Perak**

5. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui tunai/wang pos atas nama **GIATMARA SDN. BHD.** Wang ini tidak akan dikembalikan. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.

6. **GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI BAWAH:-**

PENGARAH
GIATMARA NEGERI PERAK,
No. 10 & 10A, Medan Istana 6,
Bandar Ipoh Raya, 30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-2536806/6782/6784

Pada atau **sebelum** tarikh tutup sebut harga jam **12.00** tengahari

8. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>

Perhatian: Adalah diingatkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di bawah PKPP hendaklah sentiasa dipatuhi bagi urusan sebut harga di atas.